

Headline	UTP, FRIM jalin kerjasama pulihara pokok hutan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	22 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	10	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	211 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,835
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,504



## UTP, FRIM jalin kerjasama pulihara pokok hutan

**SERI ISKANDAR** – Universiti Teknologi Petronas (UTP) menjalin kerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) untuk memulihara empat spesies pokok hutan yang terdapat di dalam kampus universiti tersebut.

Naib Canselor UTP, Datuk Dr. Abdul Rahim Hashim berkata, sebanyak 330 pokok hutan yang terdiri daripada spesies resak padi, cengal pasir daun besar, meranti kepong hantu dan karas dikenal pasti hidup meliar di kawasan seluas 202.5 hektar yang masih belum ditebus guna sejak tahun 2007.

“Saya difahamkan kesemua spesies tersebut bukan sahaja berkualiti tinggi malah merupakan spesies terancam.

“Justeru, UTP menjalin kerjasama dengan FRIM bagi memulihara spesies pokok tersebut daripada pupus. Ia merupakan komitmen Petronas dalam usaha-usaha kelestarian alam sekitar,” katanya selepas majlis menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Kewangan UTP, Hasbullah Ihsan dan Pegawai Penyelidik Kanan FRIM, Dr. Lilian Chua.

Abdul Rahim berkata, FRIM juga diberi kebenaran untuk me-

lakukan penyelidikan bagi mengenalpasti spesies-spesies pokok hutan

lain yang mungkin terdapat di dalam hutan berkenaan.

Sementara itu, Abd. Latif berkata, berdasarkan kajian pihaknya, keempat-empat spesies pokok tersebut merupakan spesies terancam tahap serius dan kebanyakan taburannya tertumpu di sekitar daerah Perak tengah termasuklah di UTP.

Menurut beliau, langkah-langkah pemuliharaan terhadap pokok resak padi, cengal pasir daun besar, meranti kepong hantu dan karas adalah kritikal kerana ia tergolong dalam Senarai Merah Spesies Terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar.

“Keempat-empat spesies pokok hutan tersebut merupakan antara 22 peratus spesies yang hampir pupus di negara ini.

“Sasaran FRIM adalah untuk mengeluarkan spesies resak padi, cengal pasir daun besar, meranti

kepong hantu dan karas daripada senarai spesies terancam menjelang tahun 2020,” katanya.



ABDUL RAHIM (dua dari kiri) dan Abd. Latif bertukar dokumen perjanjian mengenai penjagaan hutan sambil diperhatikan Lilian (kanan) dan Hasbullah di Seri Iskandar semalam.